

## Dua pelajar UiTM Rembau maut, motosikal terbabas langgar tiang TM

- Oleh NOR AINNA HAMZAH
- 8 Januari 2023, 10:29 am



KEADAAN lokasi kemalangan di mana dua orang pelajar UiTM Kampus Rembau maut dalam kejadian di Kilometer 2, Jalan Kundur-Pilin, Rembau awal pagi tadi.-GAMBAR/IHSAN POLIS.

REMBAU: Dua orang pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Rembau maut selepas motosikal yang ditunggangi mereka terbabit kemalangan di Kilometer 2, Jalan Kundur-Pilin, di sini, awal pagi tadi.

Dalam kejadian kira-kira pukul 1 pagi itu, mangsa, Muhammad Adib Roszaidi, 21, beralamat di Karak, Pahang dan Muhammad Aiman Roslee, 21, beralamat di Ipoh, Perak, disahkan meninggal dunia oleh pasukan paramedik yang tiba di lokasi kejadian.

Sementara, seorang lagi pelajar yang juga pembonceng motosikal, Muhammad Faiz Ilham Abdul Jalal, 21, beralamat di Shah Alam, Selangor, dikejarkan ke Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ) di Seremban selepas mengalami kecederaan parah.

Menurut Ketua Polis Daerah Rembau, Deputy Superintenden Hazri Mohamad, kemalangan membabitkan dua buah motosikal iaitu motosikal jenis Yamaha Y15ZR yang ditunggang oleh Muhammad Adib dan motosikal jenis Honda yang ditunggang oleh Muhammad Aiman bersama seorang lagi pembonceng.

“Berdasarkan siasatan awal mendapati, Muhammad Adib menunggang motosikal dari arah Kundur menghala ke Pilin. Sampai di tempat kejadian, mangsa hilang kawalan dan terbabas serta melanggar tiang Telekom Malaysia (TM) dan menyebabkan tiang tersebut patah lalu jatuh melintang di atas laluan.

“Kemudian datang motosikal yang ditunggangi Muhammad Aiman bersama pembonceng dari arah belakang tidak sempat mengelak lalu hilang kawalan dan terbabas di tempat kejadian,” katanya hari ini.

Ujar Hazri lagi, akibat daripada kemalangan itu, kedua-dua penunggang motosikal yang mengalami kecederaan di bahagian kepala dan dalaman disahkan meninggal dunia di tempat kejadian.

“Mayat kedua-duanya telah dibawa ke Bahagian Forensik Hospital Rembau bagi tujuan bedah siasat. Kes disiasat di bawah Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 dan siasatan lanjut masih dijalankan,” katanya. -[UTUSAN](#).